

Melaka mahu bina bandar sejahtera, lestari

BANDA HILIR - Kerajaan Negeri kekal komited memastikan perancangan bandar di Melaka tidak hanya tertumpu kepada aspek kemampanan bandar semata-mata, sebaliknya turut mengutamakan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, hasrat itu selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Ab Rauf berkata, matlamat Kerajaan Negeri jelas apabila mahu membina bandar sejahtera, ekonomi berdaya saing, rakyat yang makmur serta pembangunan yang berpaksikan kelestarian dan kesejahteraan masyarakat.

"Sebagai manifestasi usaha ini Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Melaka telah menyenaraikan laman inisiatif utama dalam 'dashboard' HEMAT Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Antara inisiatif itu adalah Pindaan Manual Laporan Cadangan Pemasalahan (LCP) Edisi Kedua Negeri Melaka; Melaka Urban Observatory (MUO); Penyelarasan Tapak Perkuburan Islam dan Cadangan Tapak Kubur Berpusat Negeri Melaka; Melaka Geospatial Information System (MELGIS) serta Peman-



AZHAR mewakili Ketua Menteri ketika menyempurnakan gimik perasmian ambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2025 Peringkat Negeri Melaka. Foto MBMB

tauan Kawasan Tanah Lapangan Awam Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pada Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2025 Peringkat Negeri Melaka di perkarangan Muzium Istana Kesultanan Melaka, 29 November lalu.

Teks ucapan beliau dibacakan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad.

Hadir sama, Exco Beliau, Sukan dan NGO negeri Datuk VP Shanmugam; Ketua Pengarah PLANMalaysia, Datuk TPr. Dr. Alias Rameli; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Shadan Othman serta Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri

Melaka.

Menurut Ketua Menteri, Kerajaan Negeri juga akan terus memastikan ekosistem perancangan yang kondusif melalui penambahbaikan dasar dan penyediaan ruang serta mekanisme pelaksanaan lebih tersusun.

"Ini bagi memastikan segala inisiatif pembangunan yang dibuat dapat digerakkan dengan lebih cekap dan teratur.

"Malah dengan sinergi semua pihak, kepakaran para perancang bandar, sokongan padu agensi teknikal dan penglibatan aktif masyarakat kita mampu membina landskap bandar Melaka yang lebih inklusif, mampan dan berdaya huni untuk generasi akan datang," katanya.